
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

BVT 313/4 – Parasitologi Perubatan dan Veterinar

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. [a] Seorang wanita yang sangat gemar memakan daging yang kurang masak, mengalami beberapa simptom/gejala yang mirip jangkitan toxoplasmosis.
- [i] Senaraikan tiga simptom/gejala yang mungkin dialaminya.
 - [ii] Senarai dan terangkan secara ringkas empat kaedah makmal yang dapat digunakan dalam diagnosis jangkitan tersebut.
 - [iii] Terangkan kitar hidup *Toxoplasma gondii* dalam hos/perumah definitif.
- (15 markah)
- [b] Terangkan perbezaan morfologi antara *Entamoeba histolytica* dan *Entamoeba coli*.
- (5 markah)
2. [a] Senaraikan LIMA SPESIES parasit malaria
- (5 markah)
- [b] Terangkan ciri-ciri spesies parasit malaria manusia yang membezakan di antaranya dalam slaid darah yang telah diwarnakan dengan Giemsa.
- (5 markah)
- [c] Bincangkan patologi serta kawalan penyakit malaria.
- (10 markah)
3. "Jangkitan protozoa parasit dalam haiwan ruminan adalah berbeza dari segi kewabakan (epidemiologi), patologi penyakit, serta kawalan jika dibandingkan dengan protozoa parasit ayam dan itik". Dengan menggunakan seberapa banyak misalan yang boleh, bincangkan pernyataan tersebut.
- (20 markah)

4. Dengan memberi contoh-contoh tertentu, bincangkan diagnosis jangkitan helmint.

(20 markah)

5. Bincangkan kitar hidup dan epidemiologi cacing *Dracunculus medinensis*. Pada pendapat anda, mengapakah cacing ini tidak terdapat di Malaysia?

(20 markah)

6. "Penyebaran fluk dipengaruhi oleh adat resam masyarakat". Bincangkan.

(20 markah)

- ooo O ooo -